

14 MAY 2001

5,000 PELAJAR LIHAT LARIAN OBOR SEKITAR IPOH

IPOH, 14 Mei (Bernama) -- Kira-kira 5,000 pelajar dari 11 buah sekolah di bandar raya ini berpeluang melihat Larian Obor Sukan SEA ke-21 yang masuk hari kelapan di Perak hari ini.

Obor itu diarak dengan sebuah kenderaan yang pergi dari satu sekolah ke satu sekolah bermula pukul 10 pagi di Sekolah Menengah Sri Puteri, Jalan Fair Park.

Ia berakhir di Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman (STAR) petang ini sebelum diletakkan di pejabat Kompleks Belia dan Sukan Ipoh.

Esok larian obor itu akan bermula pukul 8.30 pagi di Dataran Ipoh sebelum mengelilingi sekitar bandar raya dan pada sebelah malamnya diarak masuk ke Stadium Perak semasa perasmian Hari Belia Kebangsaan 2001 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Obor itu dijangka menjelajah negeri Perak selama 18 hari sejauh kira-kira 860 kilometer.

-- BERNAMA

PBA AR NMO